

**PERATURAN PERTANDINGAN
BADMINTON BERPASUKAN
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Badminton Berpasukan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-Undang Pertandingan Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;
- 5.2 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain Lelaki	8 orang
4	Pemain Wanita	4 orang
JUMLAH		14 orang

- termasuk sekurang-kurangnya 2 orang pemain veteran yang diwajibkan bermain dalam setiap perlawanan;
- 5.3 Seorang pemain boleh bermain 1 acara sahaja di dalam sesuatu permainan; Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bertanding di sepanjang pertandingan ini.

6.0 ACARA PERTANDINGAN

- 6.1 Susunan perlawanan
- | | | |
|-------|--------------------|-------------------------|
| 6.1.1 | Perlawanan Pertama | : Perseorangan Lelaki |
| 6.1.2 | Perlawanan Kedua | : Beregu Lelaki Veteran |
| 6.1.3 | Perlawanan Ketiga | : Beregu Wanita |
| 6.1.4 | Perlawanan Keempat | : Beregu Lelaki |
| 6.2.5 | Perlawanan Kelima | : Beregu Campuran |
- 6.2 Umur kelayakan peserta veteran dirujuk kepada perkara (6.0) para 6.3 dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia.

7.0 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 7.1 Pemain dikehendaki memakai kameja T dan hendaklah mematuhi perkara (10.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia;
- 7.2 Peserta wanita bagaimanapun digalakkan memakai "track bottom".

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Sistem pertandingan akan mengikut perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia;
- 8.2 Peringkat kumpulan akan menggunakan sistem kiraan mata "Relay Point System" (21 mata);
- 8.3 Peringkat separuh akhir dan akhir akan menggunakan format "best of 3"
- 8.4 Sistem kiraan mata bagi menentukan pemenang kumpulan adalah seperti berikut:

Menang	- 2
Kalah	- 0

- 8.5 Pasukan yang memperolehi mata yang terbanyak diistiharkan sebagai Johan Kumpulan dan yang kedua terbanyak sebagai Naib Johan. Sekiranya terdapat persamaan jumlah mata, maka penentuan pasukan yang layak ke pusingan seterusnya hendaklah berdasarkan turutan seperti berikut: -
- i.) Jumlah perlawanan dimenangi
 - ii.) Jumlah permainan dalam perlawanan dimenangi
 - iii.) Perbezaan ("Different Matches" dari jumlah perlawanan) Jumlah mata (perbezaan mata yang besar mendapat kemenangan)
 - iv.) Lambungan syiling

9.0 PERTUKARAN PEMAIN

- 9.1 Perkara (6.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

10.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 10.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.
- 10.2 Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi 2 mata dengan keputusan pertandingan 5-0

11.0 BANTAHAN

- 11.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

12.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 12.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.